



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**TalentCorp**  
KUMPULAN SYARIKAT

**MYXpats** TalentCorp **MYNext**  
ATTRACT • NURTURE • RETAIN

# MEMACU STRATEGI MODAL INSAN MALAYSIA

## MENGENAI TALENTCORP


TalentCorp merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diberi mandat untuk memacu strategi Modal Insan Malaysia ke arah hab modal insan yang dinamik.

Kami percaya bahawa rakyat **Malaysia sememangnya berkemahiran dan memiliki pelbagai latar belakang modal insan** yang berupaya untuk mencari peluang pekerjaan profesional yang relevan di negara ini.

Justeru, kami menyokong **dasar berwawasan** dan **bersama-sama membina kerjasama strategik** bagi mewujudkan pekerjaan, tempat kerja dan tenaga kerja yang holistik dan progresif.

Dengan lebih daripada 30 inisiatif utama untuk para pelajar, graduan, golongan profesional berkerjaya, wanita yang kembali bekerja, diaspora Malaysia, ekspatriat berkemahiran tinggi, majikan dan pemegang taruh dalam industri dan akademia, kami amat mengalu-alukan anda untuk mendalami dan mengambil bahagian dalam program kami.

## PERANAN KAMI



Tugas kami berpaksikan kepada **3 Teras**:

- 1 Mengoptimumkan** Modal Insan Malaysia
- 2 Menarik & Membantu** Modal Insan Global
- 3 Membina Rangkaian** Modal Insan Terbaik

TERAS 1

## MENGOPTIMUMKAN MODAL INSAN MALAYSIA



### mynext

#### Penuhi Keinginan Anda

Platform bersepadu yang menghubungkan para Pelajar, Syarikat, Sekolah, serta Tenaga kerja sebagai inisiatif penyelesaian isu-isu yang berkaitan dengan modal insan.

» [www.mynext.my](http://www.mynext.my)

### Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP)

#### Bimbingan Latihan Industri yang Berkualiti

Bagi mendorong majikan untuk melatih bakat muda tempatan dengan menawarkan latihan industri yang berkualiti serta insentif potongan cukai berganda kepada majikan yang berkeelayakan.

» [www.talentcorp.com.my/mysip](http://www.talentcorp.com.my/mysip)

### Latihan Industri MyASEAN

#### Mobiliti Bakat Mahasiswa di Rantau ASEAN

Melalui program ini, mahasiswa yang cemerlang boleh menjalani latihan industri di rantau ASEAN sebagai pendedahan global kepada mereka.

» [www.talentcorp.com.my/myaseaninternship](http://www.talentcorp.com.my/myaseaninternship)

### Program Cuti Semester (SBP)

#### Program Pendedahan Industri

Dapatkan pendedahan tentang peluang dan pasaran pekerjaan melalui kolaborasi bersama-sama pemain industri sektor utama ekonomi negara.

» [www.talentcorp.com.my/sbp](http://www.talentcorp.com.my/sbp)

### Young Employable Students (YES!)

#### Program Intervensi dan Pelan Tindakan Proaktif untuk Meningkatkan Kebolehpasaran pekerjaan Graduan

Pelan tindakan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan kerjasama rakan kolaborasi strategik.

\*Dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

» [www.talentcorp.com.my/yes](http://www.talentcorp.com.my/yes)

### YES! Rock The School

#### Membina Masa Depan yang Lebih Cerah

Satu inisiatif yang bertujuan untuk memperkasa pelajar sekolah dengan mempersiapkan mereka dengan keutamaan kemahiran serta pengetahuan supaya mereka mengetahui pemilihan kerjaya dan hala tuju pasaran pekerjaan dengan efektif.

» [www.talentcorp.com.my/rts](http://www.talentcorp.com.my/rts)

## Program Kembali Bekerjaya (CCP)

Program untuk Wanita yang Ingin Kembali Bekerja  
Membantu wanita yang ingin kembali bekerja dengan penyediaan khidmat nasihat, bengkel pembelajaran dan peluang pekerjaan yang sesuai.

» [www.talentcorp.com.my/careercomeback](http://www.talentcorp.com.my/careercomeback)  
» [www.talentcorp.com.my/careercomebacktax](http://www.talentcorp.com.my/careercomebacktax)

## Amalan Keseimbangan Kehidupan Bekerja (WLP)

### Penyediaan Tempat Kerja Masa Hadapan

Menyediakan khidmat rundingan dan perkongsian yang menggalakkan integrasi keseimbangan antara kerja dengan kehidupan demi kesejahteraan masa depan pekerjaan, tempat kerja dan tenaga kerja, termasuklah Aturan Kerja Fleksibel (FWA).

» <https://www.talentcorp.com.my/wlp>

## Program Kepulangan Pakar (REP)

### Inisiatif untuk Warga Malaysia yang Berada di Perantauan

Program untuk golongan profesional Malaysia di luar negara yang berhasrat untuk kembali berbakti dengan membawa pulang pengalaman dan set kemahiran demi manfaat Malaysia.

» [www.rep.talentcorp.com.my](http://www.rep.talentcorp.com.my)

## MyHeart

### Malaysia di Hati

Sebuah platform khusus bagi menghubungkan rakyat Malaysia yang berada di dalam dan luar negara untuk bekerjasama dan menjadi sebahagian daripada komuniti Malaysia di serata dunia.

» [www.myheart.my](http://www.myheart.my)

## Pas Residen Berkemahiran (RP-T)

### Mengekalkan Modal Insan Asing Berkemahiran Tinggi di Malaysia

Kelulusan bagi ekspatriat berkemahiran tinggi untuk bekerja dan menetap di Malaysia selama 10 tahun.

\*Dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

» [www.rpt.talentcorp.com.my](http://www.rpt.talentcorp.com.my)

## Pusat MYXpats

### Pas Berkaitan dengan Ekspatriat di Bawah Satu Bumbung

Pusat khidmat sehenti untuk proses dan pengeluaran pas ekspatriat bagi ekspatriat yang layak bekerja dan menetap di Malaysia.

\*Dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

» [www.talentcorp.com.my/myxpati](http://www.talentcorp.com.my/myxpati)

TERASA  
3

MEMBINA RANGKAIAN  
MODAL INSAN TERBAIK



## Kolaborasi Industri-Akademia (IAC)

### Merapatkan Jurang antara Industri dengan Universiti

Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran graduan bagi memastikan modal insan berprestasi tinggi dan berkemahiran di Malaysia.

» [www.talentcorp.com.my/iac](http://www.talentcorp.com.my/iac)

## Anugerah LIFE AT WORK (LAWA)

### Meraikan Kepelbagaian di Tempat Kerja

Meraikan majikan yang mengamalkan strategi pekerjaan yang progresif dan menunjukkan komitmen dalam mengungguli kepelbagaian dan keterangkuman.

» [www.lifeatwork.my](http://www.lifeatwork.my)

## Kumpulan Penasihat Modal Insan Global Malaysia (MyLead)

### Menghubungkan Rangkaian Modal Insan Global

Rangkaian kerjasama antara pemimpin industri dalam kalangan ekspatriat untuk pembangunan modal insan negara.

## Majlis Penasihat Modal Insan Industri (InTAC)

### Merapatkan Jurang antara Kerajaan dengan Perniagaan

Barisan panel pemimpin kanan industri merentasi sektor yang berperanan untuk memberikan nasihat dan maklum balas berhubung dengan dasar makro sumber manusia negara.

## Majlis Pakar Agenda Wanita (WACE)

### Memperkasakan Modal Insan Wanita Malaysia

Platform kolaborasi antara kerajaan, industri dan akademia dalam menangani cabaran pemerkasaan tenaga kerja wanita daripada graduan hingga pekerja berpengalaman.

DATA, PENYELIDIKAN DAN  
PENGLIBATAN INDUSTRI

## mynext

### Menyokong Tenaga Kerja Negara

Sebuah platform berpusat untuk menangani isu yang berkaitan modal insan, pengurusan dan analisis.

» [www.mynext.my](http://www.mynext.my)

## Senarai Pekerjaan Kritikal (MyCOL)

### Mengenal Pasti Kekurangan Modal Insan Malaysia

Bertujuan menggalakkan penyelarasan polisi berdasarkan data keperluan modal insan oleh industri.

» [www.talentcorp.com.my/col](http://www.talentcorp.com.my/col)

## Daftar Kemahiran Kebangsaan (MyNSR)

### Membangunkan Daftar Kemahiran Kebangsaan sebagai Rujukan Utama

Sebuah platform berpusat sebagai rujukan utama standard kemahiran bagi membantu penyelarasan dasar.

## HUBUNGI KAMI

Talent Corporation Malaysia Berhad <sup>201001035653</sup>

E-mel » [info@talentcorp.com.my](mailto:info@talentcorp.com.my)

Laman Web » [www.talentcorp.com.my](http://www.talentcorp.com.my)

Malaysia Expatriate Services Centre Sdn Bhd <sup>201301004330</sup>

E-mel » [helpdesk@myxpati.com.my](mailto:helpdesk@myxpati.com.my)

Laman Web » [www.myxpati.com.my](http://www.myxpati.com.my)

MYNext Sdn Bhd <sup>200901017217</sup>

E-mel » [hello@mynext.my](mailto:hello@mynext.my)

Laman Web » [www.mynext.my](http://www.mynext.my)

    TalentCorpMsia